

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

Mengkaji dan meneliti aspek penggunaan kaedah alat penulisan dalam penulisan utama buku teks, khususnya buku teks menengah atas dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) membuktikan kepada kita akan kepelbagaian penggunaan dan fungsinya. Walaupun terdapat beberapa kaedah alat penulisan yang masih kurang kekerapan penggunaannya dalam buku teks, namun percubaan untuk memasukkan setiap kaedah alat penulisan yang diberi tumpuan serta kaedah penulisan lain dalam penulisan setiap bahan yang dipersembahkan dalam buku teks, telah menampakkan usaha untuk memberikan kesan kepelbagaian dalam persembahan penulisannya.

Kepelbagaian penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam buku-buku teks yang dikaji walaupun tidak seimbang pemberatannya dalam setiap bab/unit, telah sedikit sebanyak menjadikan persembahan penulisan buku-buku teks berkenaan menarik dan tidak membosankan terutamanya apabila terdapat penggunaan kaedah anekdot, satira, penamsilan dan petikan. Namun begitu, kesalahan tatabahasa yang kerap berlaku telah melemahkan penyampaian kaedah-kaedah yang digunakan menyebabkan kesan kesegaran ayat yang diharapkan dalam persembahan penulisan terjejas dan terganggu.

Kajian ini belum lagi meneliti secara mendalam kepelbagaian penggunaan alat-alat penulisan dalam buku teks yang lain. Selain itu, kajian ini hanya menyentuh aspek persembahan sesebuah buku teks dari sudut persembahan penulisan dengan tumpuan khusus kepada penggunaan alat-alat penulisan yang terpilih dalam buku-buku teks menengah atas yang tertentu sahaja. Banyak lagi kajian yang dapat dan perlu dijalankan dalam memantapkan lagi aspek persembahan buku teks terutamanya persembahan penulisannya. Antaranya termasuklah:

- a) Kajian penggunaan kaedah-kaedah alat penulisan dalam buku-buku teks yang lain sama ada untuk peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah bagi menenalpasti keberkesanan dan kepelbagaian penggunaannya.
- b) Kajian tentang penggunaan alat-alat penulisan dalam buku teks yang mengkhusus kepada satu mata pelajaran tertentu untuk peringkat yang tertentu seperti buku teks *Bahasa Melayu* untuk Tingkatan 1 hingga 5 atau *Sejarah* untuk Tingkatan 1 hingga 5 bagi mengenalpasti peringkat yang manakah mempunyai kepelbagaian penggunaan jenis alat-alat penulisan dan persembahannya.

- c) Kajian khusus terhadap aspek kelemahan penggunaan alat penulisan dari segi bahasa dalam buku-buku teks terpilih. Kajian ini boleh dilakukan sama ada mengkaji penggunaan sejenis kaedah alat penulisan dalam beberapa buah buku teks ataupun penggunaan beberapa jenis kaedah alat penulisan dalam sebuah buku teks secara khusus dengan memberi tumpuan kepada kesalahan tatabahasa.
- d) Kajian tentang persembahan pendekatan penulisan yang digunakan dalam buku teks sama ada berbentuk penghujahan, penceritaan, penerangan, pendedahan atau pemujukan.
- e) Kajian tentang jenis-jenis penulisan yang digunakan seperti berita, rencana, eseи, artikel, wawancara, sinopsis, ulasan, ucapan, ceramah dan sebagainya dalam buku-buku teks tertentu.
- f) Kajian yang terpisah tentang keberkesanan penggunaan prinsip-prinsip penulisan dari aspek pemerengganan, kejelasan, kesatuan, kepautan, kerapian, keterbacaan dan kesempurnaan bagi menghasilkan wacana yang baik.
- g) Kajian tentang penggunaan tanda baca dan fungsinya dalam persembahan penulisan khususnya penulisan buku teks.

Cadangan kajian-kajian lanjutan yang dikemukakan diharap dapat memberi panduan serta menarik perhatian pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji aspek persembahan yang terdapat dalam buku teks terutamanya dari sudut persembahan penulisannya. Persembahan penulisan ini penting diberi perhatian dan tumpuan kerana segala isi kandungan setiap mata pelajaran yang mahu dikemukakan tidak akan dapat dicerna dan digarap dengan baik tanpa adanya tulisan dan penulisan yang mampu ‘berkata-kata dan berdialog’ dengan pembacanya.